

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: HARI PELANCARAN TENAGA NASIONAL

TEMPAT: KUALA LUMPUR (K.L)

TARIKH: 01 SEP 1990

MASA:

Assalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh dan selamat sejahtera.

Yang Berhormat Dato' Seri Samy Vellu,
Menteri Tenaga, Telekom dan Pos;
Yang Berbahagia Datuk Ibak Abu Hussin,
Pengurus Besar LLN;
Dif-dif kehormat;

Tuan-tuan dan puan-puan.

Saya mengucapkan terima kasih kepada pihak Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos serta pihak pengurusan LLN, kerana menjemput saya untuk melancarkan badan korporat baru bagi menggantikan LLN iaitu Tenaga Nasional.

2. Negara kita Malaysia dikenali sebagai salah sebuah negara yang ulung dalam menjayakan dasar penswastaan. Kerajaan telahpun mengadakan beberapa pendekatan ekonomi yang dianggap penting untuk membangunkan negara ini dengan lebih pesat dan berkesan. Di antara pendekatan tersebut ialah penswastaan. Penswastaan mempunyai objektif-objektif yang spesifik seperti peningkatan produktiviti, peningkatan hasil kewangan dan pencapaian objektif Dasar Ekonomi Baru.

3. Kerajaan telahpun membuat kajian pelan induk penswastaan secara menyeluruh bagi semua agensi kerajaan yang layak diswastakan. Dalam pelan induk tersebut, Lembaga Letrik Negara atau LLN telah dikenalpasti sebagai satu daripada badan-badan yang paling sesuai untuk diswastakan. Ini adalah oleh sebab ia berkemungkinan menjadi lebih berdayamaju, produktif dan mendapat pulangan yang lebih tinggi melalui pengurusan secara komersial dan tidak sebagai jabatan kerajaan. Di samping itu penswastaan jabatan seperti LLN boleh mengurangkan beban kerajaan daripada segi modal untuk membiayai berbagai-bagai kemudahan awam dan penyelenggaraannya. Penyenaraian badan-badan yang diswastakan itu di dalam Bursa Saham Kuala Lumpur akan memberi pendapatan kepada kerajaan untuk menyediakan infrastruktur-infrastruktur lain yang diperlukan oleh negara tetapi tidak mungkin diswastakan.

4. Walau bagaimanapun, objektif utama dasar penswastaan yang perlu diberi perhatian ialah peningkatan produktiviti. Produktiviti bermakna peningkatan keluaran tanpa peningkatan kos atau dengan peningkatan kos yang kurang berbanding dengan peningkatan keluaran. Dengan itu maka keuntungan

akan bertambah tanpa kenaikan tarif atau harga kepada pengguna. Oleh itu badan korporat bukan sahaja perlu kepada pengurusan yang cekap tetapi juga pekerja yang berdedikasi yang sanggup meningkatkan daya pengeluaran masing-masing. Pendapatan atau gaji semua pihak hanya patut dinaikkan jika produktiviti meningkat yang seterusnya akan meningkatkan pendapatan syarikat. Kerajaan tidak lagi akan memberi subsidi kepada agensi yang telah diswastakan.

5. Proses penswastan berbeza dengan pemindahan syarikat daripada satu pihak kepada pihak lain. Biasanya dalam pemindahan syarikat, jumlah aset dikira bersama untuk menentukan harga jualan. Perkhidmatan kemudahan awam seperti LLN, Jabatan Telekom, Lapangan-lapangan Terbang mempunyai aset yang amat besar yang telah dikumpul berpuluh-puluh tahun lamanya. Jika nilai semasa aset diambil kira, maka kos kepada pemilik baru akan menjadi begitu tinggi sehingga pulangan bagi setiap ringgit modal menjadi terlalu kecil untuk menarik pelaburan. Oleh itu kerajaan sanggup menentukan modal syarikat yang baru diswastakan mengikut anggaran pulangan yang wajar. Ini bermakna ada elemen subsidi dalam penswastan, walaupun bagi kerajaan, ia tidak mengeluarkan apa-apa bayaran. Kerajaan sanggup berbuat demikian oleh kerana pemilikan aset yang besar tidak memberi pendapatan yang setimpal sebelum ini. Kerajaan hanya mendapat keuntungan operasi atau operational profit sahaja yang merupakan satu peratusan yang amat kecil berbanding dengan nilai semasa aset.

6. Berkenaan dengan LLN pula, keuntungan operasi yang tinggi yang dicapai di masa yang lampau adalah kerana kos minyak pembakar atau fuel oil telah menurun. Semasa kos minyak pembakar naik beberapa tahun dahulu, LLN telah menaikkan tarifnya. Tetapi apabila minyak pembakar turun, tarif tidak diturunkan. Dengan ini LLN mendapat keuntungan yang baik. Sudah tentu pengurusan yang baik juga membantu prestasi keuntungan LLN. Tetapi di masa hadapan keuntungan terpaksa bergantung kepada produktiviti, prestasi pengurusan dan pekerja Tenaga Nasional sendiri.

7. Namun demikian kerajaan percaya penswastan adalah berfaedah bagi LLN dan kakitangannya. Ini adalah berasas kepada kejayaan kita dengan projek-projek penswastan lain. Kerajaan memberi jaminan bahawa pendapatan kakitangan badan yang diswastakan tidak akan berkurangan daripada pendapatan mereka sebelum penswastan. Sebaliknya sebagai insentif kakitangan badan yang diswastakan berhak membeli 5% atau tidak lebih daripada 5 juta ringgit nilai asas saham serta mendapat bonus apabila keuntungan mengizinkan pembayaran bonus. Untuk badan-badan yang mempunyai modal yang tinggi, had 5 juta unit saham dikecualikan dan sebaliknya 5% saham diperuntukkan kepada pekerja badan berkenaan.

8. Walaupun kerajaan menjamin bahawa gaji dan elaun kakitangan badan yang diswastakan tidak akan kurang daripada gaji dan elaun semasa badan berkenaan menjadi sebahagian daripada perkhidmatan kerajaan, ini tidak bermakna bahawa

gaji dan elaun harus meningkat terlalu tinggi kerana ingin mengimbangkan dengan skim-skim gaji swasta. Amalan ini telah melanda beberapa syarikat kerajaan yang dibebaskan daripada peraturan-peraturan dan sistem gaji kerajaan. Akibatnya syarikat-syarikat ini mengalami kerugian.

9. Elaun dan gaji kakitangan badan yang diswastakan mestilah mengimbangi kos pengurusan dan pelaburan di masa hadapan. Sesuatu syarikat itu mungkin untung hari ini tetapi sebahagian daripada keuntungan mestilah dimasukkan ke dalam simpanan atau reserve dan sebahagian lagi diguna untuk pelaburan masa hadapan. Keuntungan tidak boleh dibahagi kesemuanya kepada pemegang-pemegang saham atau para pekerja. Pendek kata kita bukan sahaja ingin badan yang diswastakan beroperasi sebagai badan komersial daripada segi gaji dan elaun, tetapi juga bagi segala amalan komersial yang prudent dan menguntungkan. Amatlah memalukan jika badan yang diswastakan akhirnya gagal dan memohon untuk dimiliki semula oleh kerajaan atau meminta perlindungan kerajaan. Tuan-tuan dan puan-puan,

10. Dengan kenaikan harga minyak akibat krisis Teluk, prestasi Tenaga Nasional akan tergugat. Margin keuntungan sekarang mungkin masih boleh menyelamatkan Tenaga Nasional. Tetapi jika harga minyak meningkat lebih daripada harga semasa krisis minyak yang lepas, Tenaga Nasional mestilah mencari jalan untuk mengatasi masalah ini.

11. Di samping itu kemajuan proses industrialisasi dan ekonomi negara yang pesat telah merekodkan pertumbuhan permintaan tenaga elektrik yang tinggi. Jika trend ini berterusan, Tenaga Nasional terpaksa membuat pelaburan modal yang tinggi untuk memenuhi pertumbuhan permintaan ini. Adalah dijangkakan Tenaga Nasional akan membuat pelaburan modal kira-kira \$20 billion ringgit sehingga tahun 2000. Keupayaan Tenaga Nasional untuk mencari sumber kewangan dan pelaksanaan projek-projek penjanaan dan penghantaran yang besar adalah merupakan satu cabaran.

12. Kemajuan teknologi kejuruteraan yang pesat juga merupakan satu cabaran dan Tenaga Nasional perlu melengkapkan semua tenaga pekerja dengan tahap kemahiran industri yang kemaskini. Bidang penyelidikan dan pembangunan hendaklah diperkukuhkan supaya inovasi dan ciptaan baru dapat dihasilkan untuk meningkatkan produktiviti dan prestasi korporat. Kesimpulannya cabaran terbesar Tenaga Nasional ialah keupayaan memberikan perkhidmatan bekalan tenaga elektrik yang bermutu tinggi, selamat dan dengan harga yang berpatutan. Inilah harapan pengguna-pengguna elektrik iaitu dasar penswastaan akan membolehkan mereka menikmati perkhidmatan yang lebih baik daripada sekarang.

13. Kita harus bersama-sama sedar bahawa faktor sumber tenaga manusia adalah faktor terpenting dalam mana-mana organisasi. Semua kakitangan Tenaga Nasional akan sama-sama bertanggungjawab menentukan perkembangan seterusnya industri

bekalan tenaga elektrik di negara ini. Masyarakat antarabangsa terutama pelabur-pelabur utama akan meneliti dan mengikuti perkembangan dan pencapaian syarikat ini dari masa ke masa. Oleh itu, sebagai sebuah agensi besar kerajaan yang telah diswastakan, Kerajaan yakin kakitangan Tenaga Nasional ini tidak akan menghampakan harapan semua pihak terutama pengguna dan negara. Para pengguna sudah tentu mengharapkan bahawa mutu perkhidmatan akan meningkat, manakala kadar tarif pula berada di peringkat yang berpatutan. Tenaga Nasional perlu memastikan bahawa tarif yang dikenakan kepada pengguna-pengguna adalah stabil, tidak membebankan, dan terus dapat menggerak pembangunan negara.

14. Kerajaan akan terus bertanggungjawab menentukan perkembangan industri bekalan tenaga elektrik tetap bermutu dan tarif yang dikenakan kepada pengguna munasabah. Oleh itu Kerajaan telah menubuhkan Jabatan Bekalan Elektrik yang berfungsi sebagai agensi kawalselia industri perbekalan elektrik seluruh negara. Kerajaan ingin menekankan di sini bahawa hubungan di antara Jabatan Bekalan Elektrik dan Tenaga Nasional hendaklah dijalin untuk kepentingan semua pihak iaitu pengguna, syarikat dan negara.

15. Sungguhpun industri bekalan elektrik telah diswastakan, hubungan kerjasama serantau dan antarabangsa di kalangan utiliti-utiliti hendaklah diteruskan untuk kepentingan syarikat dan juga negara.

16. Kejayaan dan pencapaian Tenaga Nasional di masa hadapan akan menjadi teladan bagi meneruskan lagi dasar penswastakan Kerajaan. Tenaga Nasional juga mungkin boleh mengembangkan perkhidmatannya dalam bidang-bidang yang berkaitan, sama seperti penglibatan utiliti-utiliti tenaga elektrik negara-negara asing.

Tuan-tuan dan puan-puan,

17. Saya mengucapkan tahniah atas kejayaan-kejayaan LLN yang lalu dan mengucapkan selamat maju jaya untuk masa yang akan datang. Penswastakan LLN dan munculnya Tenaga Nasional telah memberi nafas dan tenaga baru untuk membolehkan badan ini menghadapi cabaran-cabaran di masa depan. Pengurusan komersial yang lebih peka kepada kehendak pengguna, teknologi semasa dan mutu perkhidmatan yang tinggi akan meningkatkan lagi produktiviti dan menyumbang ke arah pembangunan ekonomi dan kemakmuran negara.

Tuan-tuan dan puan-puan,

18. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengumumkan perlantikan Yang Berbahagia Datuk Ibak Abu Hussin sebagai ketua eksekutif Tenaga Nasional.

19. Sekarang saya dengan sukacitanya merasmikan Pelancaran Tenaga Nasional ini.

Wabillahi taufik walhidayah wassalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

